



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 11 April 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Fahmi Fadzil KONGSI DIGANGGU SCAMMER MENGAKU Nancy</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/10/fahmi-fadzil-kongsi-diganggu-scammer-mengaku-nancy/</p> <p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/04/10/fahmi-scammer-pretending-to-be-minister-nancy-shukri-contacted-me-via-whatsapp/64147</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/10/fahmi-hampir-kena-scam-ingatkan-orang-ramai-guna-talian-997/</p> <p>https://www.sinchew.com.my/20230410/%E8%82%96%E5%83%8F%E9%85%8D%E5%81%87%E7%94%B5%E8%AF%9D%E5%8F%B7%E7%A0%81%E5%8D%97%E8%8C%9C%E9%81%AD%E5%86%92%E5%90%8D%E8%A1%8C%E9%AA%97/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Malay Mail</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinchew</p>	Neutral

2	<p>Duit, Barang Kemas RM10,000 Lesap Diperdaya 'Pegawai JKM'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253806/berita/s emasa/duit-barang-kemas-rm10000-lesap-diperdaya-pegawai-jkm</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/warga-emas-rugi-rm6300-diperdaya-pegawai-jkm-palsu-dari-tanah-merah/</p> <p>https://utusan Timur.com/2023/04/10/duit-barang-kemas-rm10000-lesap-diperdaya-pegawai-jkm/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Utusan Timur</p>	Neutral
3	<p>JKM Sarawak Hulus Bantuan Kepada Mangsa Kebakaran Di Samarahan</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/10/jkm-sarawak-hulus-bantuan-kepada-mangsa-kebakaran-di-samarahan/</p>	TVSTV	Neutral
4	<p>Rogol Anak Kandung: Mekanik Dipenjara 28 Tahun, 13 Sebatan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/10/rogol-anak-kandung-mekanik-dipenjara-28-tahun-13-sebatan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955242/mechanik-rogol-anak-dipenjara-18-tahun-13-sebatan-metrotv</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/bapa-rogol-anak-kandung-dipenjara-18-tahun-13-sebatan/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/10/rogol-anak-kandung-lelaki-dipenjara-28-tahun-13-sebatan/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=-q1F7VCIYDw</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=V11s3Zm-F28</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253780/berita/s emasa/rogol-anak-kandung-bapa-dipenjara-18-tahun-13-sebatan</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<p>https://malaysiagazette.com/2023/04/10/rogol-anak-kandung-mekanik-dipenjara-28-tahun-13-sebatan/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1088194/rogol-amang-seksual-anak-kandung-mekanik-dipenjara-18-tahun</p> <p>https://www.buletintv3.my/mahkamah/padah-rogol-amang-seksual-anak-kandung-mekanik-dipenjara-18-tahun/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	
5	<p>Wanita Didakwa Tipu Anak Sakit Kanser, Kutip Sumbangan Ratusan Ribu</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/10/wanita-didakwa-tipu-anak-sakit-kanser-kutip-sumbangan-ratusan-ribu/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/warga-emas-tidak-mengaku-scam-derma/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan</p>	Neutral
6	<p>Bomoh Didakwa Tipu Warga Emas Lebih RM460,000</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/04/bomoh-didakwa-tipu-warga-emas-lebih-rm460000/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/04/pengamal-perubatan-tradisional-didakwa-perdaya-warga-emas/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/pengamal-perubatan-tradisional-didakwa-perdaya-warga-emas-rm460000-OM10852682</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2180402</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/04/11/bomoh-didakwa-tipu-warga-emas-lebih-rm460000/</p> <p>https://malaysiadateline.com/warga-emas-diperdaya-pengamal-perubatan-tradisional-dengan-bayaran-rm460000/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1088264/pengamal-perubatan-tradisional-didakwa-perdaya-warga-emas-rm460000</p>	<p>Utusan</p> <p>Edisi 9</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernama</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Malaysia Date Line</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengamal-perubatan-tradisional-didakwa-perdaya-warga-emas-rm460000-414842 https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/10/perdaya-warga-emas-rm460000-bomoh-mengaku-tak-salah/ https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955322/pengamal-perubatan-tradisional-didakwa-perdaya-warga-emas-rm460000 https://www.kosmo.com.my/2023/04/10/mahkamah-bomoh-didakwa-tipu-warga-emas-lebih-rm460000/	<p>Astro Awani</p> <p>FMT</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p>	
7	<p>Pelepasan Cukai RM4,000 Tak Cukup Untuk OKU</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/04/10/pelepasan-cukai-rm4000-tak-cukup-untuk-oku/</p>	<p>Harakah Daily</p>	Neutral

FAHMI FADZIL KONGSI DIGANGGU SCAMMER MENGAKU NANCY

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/10/fahmi-fadzil-kongsi-diganggu-scammer-mengaku-nancy/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil berkongsi pengalaman dirinya diganggu scammer yang mengaku sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, pagi tadi.

Katanya, secara tiba-tiba beliau menerima satu kiriman mesej menerusi aplikasi WhatsApp daripada nombor yang tidak dikenali namun gambar profil menunjukkan Nancy.

“Saya nak cerita, pagi tadi saya terima satu WhatsApp daripada individu yang memperkenalkan dirinya sebagai Datuk Seri Nancy Shukri, gambar dalam WhatsApp itu gambar Datuk Seri Nancy.

“Tapi bila beliau menghantar mesej kepada saya, beliau menggunakan perkataan ‘Assalama’alaikum’ dan saya lihat ini ada something (sesuatu) yang tidak kena, maka saya berhubung dengan Datuk Seri Nancy pagi tadi lepas subuh.

“Datuk Seri Nancy cepat-cepat call (hubungi) saya dan beliau kata, YB Fahmi this is not my number (ini bukan nombor saya) dan ia bukan saya dan saya juga tidak menggunakan perkataan (Assalama’alaikum) seperti itu, saya selalu cakap ‘Salam’,” kongsiya kepada pemberita.

Terdahulu, Fahmi menyantuni kira-kira 400 pengamal media dalam Majlis Apresiasi Pengamal Media bersama YB Fahmi Fadzil, di sini malam ini.

Sehubungan itu, Fahmi mengingatkan orang ramai untuk tidak mudah terpedaya dengan sebarang panggilan daripada nombor atau individu yang tidak dikenali.

Tambahnya lagi, menjadi satu keperluan untuk membuat semakan mengenai identiti si pemanggil sebelum melanjutkan perbualan.

“Jadi apabila kita dapat tahu perkara seperti itu, kita sahkan dahulu adakah orang yang memanggil atau berhubung dengan kita itu dalam apa jua platform, adakah mereka adalah orang yang sebenar-benarnya identiti itu.

“Kalau tak pasti jangan kongsi, kalau tak kenal jangan sambungkan perbualan. Jika ada di antara kita jadi mangsa, tolong segera hubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di nombor 997 untuk bantuan,” pesannya. – KOSMO! ONLINE

DUIT, BARANG KEMAS RM10,000 LESAP DIPERDAYA 'PEGAWAI JKM'

<https://www.sinarharian.com.my/article/253806/berita/semasa/duit-barang-kemas-rm10000-lesap-diperdaya-pegawai-jkm>

Sumber : Sinar Harian



JELI - Seorang wanita yang menyamar sebagai pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertindak memperdayakan warga emas di sekitar jajahan ini dengan menawarkan bantuan bulanan serta rumah baharu.

Wanita berusia 40-an itu dikatakan menaiki sebuah Perodua Axia berwarna hijau bersama seorang lelaki menyasarkan golongan warga emas.

Salah seorang ahli keluarga mangsa yang hanya ingin dikenali sebagai Zali, 51, berkata, pada Ahad, ibu dan ayah mentuanya yang tinggal di Kampung Lawar di sini telah didatangi 'pegawai JKM' yang kononnya ingin melakukan banciaan.

"Wanita tersebut memperkenalkan diri sebagai pegawai dari JKM Tanah Merah dan menawarkan bantuan bulanan berjumlah RM500 serta sebuah rumah baharu.

"Dia juga meminta ibu dan ayah mentua membayar deposit RM2,500 bagi melancarkan proses bantuan tersebut," katanya kepada pemberita pada Isnin.

Menurutnya, kerana terperdaya dengan kata-kata tersebut pasangan warga emas berusia 73 dan 82 tahun itu telah menyerahkan barang kemas sebagai gantian kepada wang tunai.

Ujarnya, ibu mentua telah memberikan seutas gelang tangan, rantai leher dan sebentuk cincin yang dianggarkan bernilai RM6,3000.

Zali memberitahu, wanita tersebut berjanji akan kembali semula pada hari Rabu ini untuk membawa kedua mentua melihat rumah baharu yang akan diberikan kepada mereka.

"Tersedar seperti ditipu, kami sekeluarga telah membuat laporan di Balai Polis Batu Melintang untuk tindakan selanjutnya.

"Selepas kejadian ini tersebar kami juga dimaklumkan terdapat beberapa warga emas di sekitar jajahan ini yang telah ditipu menggunakan modus operandi sama. Ada yang mengalami kerugian sehingga RM10,000," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jeli, Superintenden Saari Yaacob ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kes tersebut.

JKM SARAWAK HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI SAMARAHAN

<https://tvstv.my/2023/04/10/jkm-sarawak-hulur-bantuan-kepada-mangsa-kebakaran-di-samarahan/>

Sumber : TVSTV



KOTA SAMARAHAN, 10 April: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak bertindak segera apabila menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran di Pangsapuri I-Mas Village di sini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Masyarakat II Sarawak, Mohamad Razi Sitam berkata, bantuan tersebut juga disalurkan oleh Pejabat Masyarakat Bahagian Samarahan kepada tiga mangsa yang membabitkan dua keluarga.



Insiden kebakaran melibatkan dua unit rumah di pangsapuri tersebut yang berlaku pada 8 April lalu. Foto: TVS

Katanya, antara bentuk bantuan termasuklah makanan bernilai RM150, kelengkapan tidur berjumlah RM200, pakaian harian (RM400), wang tunai RM200 serta peralatan dapur sebanyak RM700.

“Oleh itu, setiap mangsa akan menerima bantuan sebanyak RM1, 650 yang diserahkan oleh JKM Sarawak,” katanya kepada media selepas hadir menyerahkan bantuan berkenaan hari ini.

Turut hadir Pengarah JKM Sarawak, Adana Jed dan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Samarahan, Ebby Hirwandy Sarbini.

Dalam kebakaran pada pukul 5.30 petang kelmarin, dua unit rumah di pangsapuri terbakar dengan anggaran kemusnahan mencecah 80 peratus.

Sementara itu, Muhammad Razi berkata, pihaknya masih belum menerima laporan terperinci mengenai punca sebenar kebakaran.

Dalam pada itu, seorang mangsa, Carlteddy Rasjmarthniy Adi berkata, dia berterima kasih kepada JKM yang telah menghulurkan bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung akibat kejadian itu.

Raymond Hollis Tinggom yang turut menjadi mangsa berkata, dia masih terkejut dengan kejadian itu.

“Sekurang-kurangnya, bantuan ini dapat meringankan beban kami kerana kebakaran yang berlaku adalah sesuatu yang tidak dijangka,” katanya. -TVS

ROGOL ANAK KANDUNG: MEKANIK DIPENJARA 28 TAHUN, 13 SEBATAN

<https://malysiagazette.com/2023/04/10/rogol-anak-kandung-mekanik-dipenjara-28-tahun-13-sebatan/>

Sumber : Malaysia Gazette



SEREMBAN – Seorang mekanik dijatuhi hukuman penjara berjumlah 28 tahun dan 13 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini, selepas didapati bersalah atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan kandunginya yang di bawah umur pada 2017 dan 2018.

Hakim Datin Surita Budin menjatuhkan hukuman tersebut selepas tertuduh yang berusia 47 tahun mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan itu.

Surita menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun dan 10 sebatan bagi pertuduhan pertama, manakala penjara lapan tahun dan satu sebatan serta tambahan dua tahun penjara dan dua sebatan bagi pertuduhan kedua.

Bagaimanapun, tertuduh hanya menjalani hukuman penjara 18 tahun dan 13 sebatan selepas mahkamah mengarahkan hukuman penjara berjalan serentak bermula dari tarikh tangkap iaitu pada 3 April lepas.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 11 tahun dalam sebuah bilik tidur di rumah mereka di Jempol dekat sini, pada 12.01 tengah malam antara 20 hingga 31 Dis 2017 mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak kurang lapan tahun dan maksimum 30 tahun dan hendaklah disebat tidak kurang 10 sebatan.

Dia turut didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa yang ketika itu berumur 12 tahun dua bulan di lokasi dan waktu sama antara 11 hingga 30 April 2018, yang boleh dihukum

di bawah Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan boleh dihukum di bawah akta sama serta dibaca bersama Seksyen 16(a) akta sama.

Pertuduhan itu memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan boleh disebat mengikut Seksyen Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, mangsa cuba memberitahu perkara itu kepada ibu dan adik-beradiknya selepas kejadian, tetapi dinafikan tertuduh sehingga ibu mangsa tidak mempercayai mangsa.

Bagaimanapun, pada tahun ini, mangsa yang berusia 17 tahun memberitahu rakannya mengenai perbuatan tertuduh dan melaporkan kepada guru pada 3 April seterusnya membuat laporan polis pada hari sama.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon mahkamah menjatuhkan hukuman ringan kerana telah insaf dan menyesal dengan perbuatan keji yang dilakukan.

Timbalan Pendakwa Raya Goh Hsiao Tung yang mengendalikan kes itu memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran mengambil kira mangsa adalah anak kandung sendiri dan perlu bersifat melindungi selain kejadian itu akan menyebabkan trauma serius kepada mangsa dalam jangka panjang.

WANITA DIDAKWA TIPU ANAK SAKIT KANSER, KUTIP SUMBANGAN RATUSAN RIBU

<https://malaysiagazette.com/2023/04/10/wanita-didakwa-tipu-anak-sakit-kanser-kutip-sumbangan-ratusan-ribu/>

Sumber : Malaysia Gazette



SHAH ALAM – Seorang wanita warga emas mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan atas dakwaan menyalahgunakan derma orang awam yang dipercayai dikutip dengan cara menipu melalui media sosial.

Malah kisah wanita itu tular dalam media sosial terutamanya dalam kalangan masyarakat India berikutan penipuan yang dilakukan olehnya melibatkan lebih RM300,000 baru-baru ini.

Bagaimanapun tertuduh hanya didakwa selepas salah seorang daripada penderma itu tampil membuat laporan polis pada 22 Mac lepas.

Tertuduh yang berusia 60 tahun, V. Vijaya Lakshmi ditangkap polis bersama anak lelakinya berusia 28 tahun sebelum disoal siasat dan dihadapkan ke Mahkamah Majistret hari ini.

Mengikut kertas pertuduhan, wanita itu didakwa telah menyalahgunakan wang yang dipindahkan ke akaun bank miliknya secara dalam talian dan dipercayai dilakukan dekat Bandar Rahman Putra, Sungai Buloh selepas salah seorang daripada penderma.

Pengadu yang berusia 27 tahun itu telah menderma wang bernilai RM100 dan mendakwa ianya telah disalahgunakan oleh tertuduh.

Andai sabit kesalahan, tertuduh berdepan dengan hukuman penjara enam hingga lima tahun dan denda mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan.

Ketika prosiding hari ini di hadapan Majistret Sasha Diana Sabtu, Vijaya mohon dibicarakan serta dibebaskan dengan ikat jamin rendah memandangkan dirinya terpaksa menjaga seorang anak yang tergolong dalam kategori orang kelainan upaya (OKU).

Timbalan Pendakwa Raya, Erneetha Kaur Baghwant Singh kemudian menawarkan Vijaya Lakshmi diikat jamin sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin namun dirayu untuk dikurangkan oleh peguam tertuduh.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin dengan RM4,000 dengan seorang penjamin serta sebutan kes telah ditetapkan pada 7 Jun depan.

Sebelum ini, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan mendedahkan pihaknya telah menemui wang tunai berjumlah RM110,011 dipercayai hasil sumbangan orang persendirian yang hendak dihantar ke India secara haram.

Selain itu, polis turut menemukan RM208,000 dalam akaun milik tertuduh juga dipercayai hasil sumbangan orang ramai.

Sebelum ini, kecoh di media sosial tentang sebuah keluarga terbabit dalam kegiatan penipuan itu dengan menggunakan alasan untuk menampung rawatan perubatan anaknya berusia 33 tahun yang menghadapi kanser dan sedang dirawat dekat sebuah hospital di Thirichy, India.

Mereka dikatakan meminta sumbangan bagi menampung kos rawatan pembedahan berjumlah RM400,000 bagi mengelak penyakitnya merebak lebih teruk.

Difahamkan ini bukanlah kali pertama perbuatan meminta derma dan menipu masyarakat umum dilakukannya sebaliknya sudah bermula sejak 2014 lagi.

Ketika itu sudah berjaya memperoleh ratusan ribu ringgit hasil sumbangan derma orang ramai melalui media. – MalaysiaGazette

BOMOH DIDAKWA TIPU WARGA EMAS LEBIH RM460,000

<https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/04/bomoh-didakwa-tipu-warga-emas-lebih-rm460000/>

Sumber : Utusan



KUALA LUMPUR: Seorang pengamal perubatan tradisional didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan memperdayakan seorang warga emas dengan memberikan perkhidmatan spiritual keagamaan sehingga mangsa membuat pembayaran melebihi RM460,000.

P. Wicknesvaran, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Datin Sabariah Othman.

Wicknesvaran didakwa memperdayakan G. Kanniason, 60, untuk mempercayai bahawa tertuduh boleh memberikan perkhidmatan spiritual keagamaan sehingga mangsa membuat pembayaran berjumlah RM467,935 bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah bank di Jalan Yap Kwan Seng, Menara Ampang di sini di antara 21 Julai dan 29 Disember 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 415 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 417 kanun sama yang membawa hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Hanis Anisha Jamilludin menawarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin, namun peguam Shamsheer Singh Thind yang mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan atas alasan anak guamnya memberi kerjasama baik kepada polis.

Sabariah membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan passport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan menetapkan 10 Mei ini untuk sebutan kes. – **UTUSAN**

PELEPASAN CUKAI RM4,000 TAK CUKUP UNTUK OKU

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/04/10/pelepasan-cukai-rm4000-tak-cukup-untuk-oku/>

Sumber : Harakah Daily



KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu menilai semula kos pelepasan cukai sebanyak RM4,000 terhadap ibu bapa yang mempunyai anak orang kurang upaya (OKU).

Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, keperluan intervensi dan pengurusan anak-anak orang kurang upaya (OKU) sekarang ini melibatkan kos yang tinggi.

“Bagi saya, (pelepasan cukai) RM4,000 adalah jumlah yang kecil berbanding kos yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa termasuk kos-kos rawatan, pengurusan dan taska.

“Ini (pelepasan cukai sebanyak RM4,000) amat kecil kalau dibandingkan dengan keperluan yang sebenar.

“Jadi, saya mengharapkan supaya kerajaan menilai semula kos pelepasan RM4,000 ini sama ada kita naikkan jumlahnya ataupun kita membuat pelepasan mengikut jumlah bilangan anak OKU yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa perbahasan Rang Undang-Undang Akta Cukai Pendapatan 1967 di Dewan Negara, di sini, hari ini.

Sementara itu, Wan Martina memberitahu bahawa beliau telah mendapat aduan daripada setengah OKU yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan surat-surat penilaian ataupun diagnosis daripada pihak doktor kerajaan.

“Merujuk kepada pindaan Seksyen 46 nombor 4, penilaian yang dilakukan oleh doktor-doktor swasta adakah dibolehkan, sebab kita dapat aduan daripada setengah OKU yang menyatakan sukar untuk mendapat surat-surat penilaian ataupun diagnosis daripada doktor-doktor kerajaan.

“Jadi untuk memudahkan, adakah penilaian dan diagnosis yang dibuat oleh doktor swasta diterima?,” soalnya. – **HARAKAHDAILY 10/4/2023**